
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari 2003

IEK 316/3 – SISTEM PENGURUSAN PERSEKITARAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA (2) mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. Bincangkan perancangan anda dalam menjaga kepentingan alam sekitar jika syarikat anda ingin membina satu saluran perpaipan yang membawa minyak sejauh 20 kilometer. Andaikan penilaian impak alam sekitar telah lulus.
(25 markah)
2. Dalam pembinaan satu empangan di kawasan berbukit dan berhampiran perkampungan. Bincangkan faktor-faktor yang anda harus beri perhatian untuk memastikan kecuaian ke atas alam sekitar tidak berlaku sepanjang pembinaan empangan tersebut. Berikan cadangan aktiviti berterusan selama pembinaan yang anda akan lakukan berkaitan dengan faktor-faktor yang anda berikan.
(20 markah)
3. Untuk mengukur tahap pencapaian alam sekitar satu industri atau syarikat, anda perlu melakukan penilaian awalan dahulu. Apakah perkara-perkara yang anda harus nilai semasa proses ini dan bagaimanakah maklumat yang dikumpul boleh membantu syarikat tersebut.
(20 markah)
4. (a) Bincangkan kaedah penubuhan satu polisi sistem pengurusan alam sekitar untuk suatu syarikat yang memproses ayam serta berikan satu contoh polisi yang berkaitan untuk industri tersebut.
(b) Apakah maksud dengan maksud 'Rancang, Lakukan, Periksa dan Bertindak' dalam kontek sistem pengurusan alam sekitar.
(20 markah)
5. Bincangkan kesemua bahagian dalam Risalah Data Keselamatan Bahan Kimia.
(20 markah)
6. Bagaimanakah anda akan menjalankan penilaian risiko bahan kimia kepada kesihatan? Berikan kesemua langkah yang terlibat.
(20 markah)